

**AKHBAR : BERITA HARIAN****MUKA SURAT : 8****RUANGAN : NASIONAL**

‘Saya sudah bercakap dengan Dr Zaliha minggu lalu untuk kongsi pandangan perkara yang beliau boleh beri tumpuan terutama bagi tempoh 100 hari akan datang’

**Dr Kelvin Yii Lee Wuen,**  
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen  
berkaitan Kesihatan, Sains dan Inovasi

## Dr Kelvin tawar bantu Dr Zaliha

**Kuching:** Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen berkaitan Kesihatan, Sains dan Inovasi, Dr Kelvin Yii Lee Wuen menawarkan pengalaman beliau membantu Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa dan timbalannya, Lukanisman Awang Sauni, dalam merealisasikan agenda penjagaan kesihatan negara.

Ahli Parlimen Bandar Kuching itu berkata, beliau juga akan terus memainkan peranan di Dewan Rakyat untuk menggerakkan agenda kesihatan merangkumi Kertas Putih Kesihatan yang dimulakan kerajaan terdahulu demi kepentingan negara.

“Saya sudah bercakap dengan Dr Zaliha minggu lalu untuk berkongsi pandangan perkara yang beliau boleh beri

tumpuan terutama bagi tempoh 100 hari akan datang.

“Antaranya ialah perkara sedang kami lakukan dengan menteri terdahulu iaitu Khairy Jamaluddin dan diharapkan beliau boleh melaksanakannya secepat mungkin,” katanya selepas menghadiri mesyuarat jawatankuasa DAP Sarawak di sini, semalam.

Katanya, Dr Zaliha dan Lukanisman diberi peranan penting bagi menangani isu jangka panjang berkaitan sektor kesihatan seperti kekurangan dana serta pengabaian dalam sistem kesihatan di Malaysia.

Justeru, Dr Lee Wuen berkata, Menteri Kesihatan memerlukan sedikit masa untuk benar-benar memahami isu semasa dalam negara.

BERNAMA

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA****MUKA SURAT : 7****RUANGAN : DALAM NEGERI**

# Kenal pasti keperluan perjawatan kakitangan KKM

**PETALING JAYA:** Kerajaan perlu menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi mengenal pasti keperluan sumber manusia melibatkan pengambilan kakitangan Kementerian Kesihatan termasuk pegawai perubatan.

Bekas Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye berkata, jawatankuasa khas tersebut perlu diwujudkan sebelum merealisasikan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan Negara.

Katanya, ia bertujuan membolehkan satu kajian terperinci melibatkan jumlah pengambilan pegawai perubatan dapat dilaksanakan dalam mengatasi

isu doktor kontrak yang berlanjut hingga kini.

“Doktor kontrak antara masalah yang perlu ditanggani dan paling penting, kita mesti mengenal pasti apa keperluan sumber manusia.

“Kerana itu, ia bukan setakat Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan tetapi ada satu kajian menyeluruh mengenai pasti keperluan sumber manusia dan merancang dari segi latihan untuk menepati keperluan tersebut,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Boon Chye berkata, jawatankuasa khas yang ditubuhkan itu juga perlu merentasi kemen-

teran bagi memastikan tidak berlaku lebihan serta kekurangan kakitangan kesihatan.

Katanya, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) perlu selari dalam mengeluarkan graduan perubatan tempatan setiap tahun dengan kekosongan yang diperlukan oleh KKM.

“Perlu ada satu badan buat kajian yang menyeluruh dan apabila kita kenal pasti berapa doktor kita perlu, kita boleh buat perancangan berapa doktor yang harus kita keluarkan melalui universiti tempatan atau luar negara,” katanya.

Mengulas penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan

bekas Ahli Parlimen Gopeng itu berkata, kerajaan perlu memberi perhatian serius dalam memastikan pelaksanaannya.

Katanya, pengambilan kakitangan KKM kini diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang membuat keputusan berdasarkan pertimbangan semua kementerian yang ada.

“Seringkali JPA tidak dapat menepati keperluan KKM, jadi lebih baik pengambilan itu diuruskan oleh KKM sendiri dan mesti ada satu suruhanjaya tersendiri untuk mengenal pasti keperluan dalam KKM.

“Ini membolehkan mereka membuat keputusan pengam-

bilan kakitangan untuk KKM bukan setakat untuk doktor kontrak tetapi jururawat dan kesemua kakitangan dalam KKM,” katanya.

Terdahulu, *Utusan Malaysia* melaporkan, Hartal Doktor Kontrak menggesa kerajaan perpaduan merealisasikan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan Negara dalam tempoh lima tahun pentadbirannya.

Ia selaras dengan manifesto Pakatan Harapan (PH) dalam buku Tawaran Harapan PRU15 yang menawarkan reformasi dalam bidang kesihatan awam demi kesejahteraan rakyat negara ini.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : DALAM NEGERI

## Pesakit tak perlu ke hospital, sampel darah diambil di rumah

**PUTRAJAYA:** Memahami kesukaran pesakit terutama mereka yang terlanjur di rumah, Pertubuhan Doktor Prihatin melaksanakan perkhidmatan mengambil sampel darah bergerak bagi memberi kemudahan kepada golongan itu tanpa perlu ke hospital.

Perkhidmatan kali pertama seumpamanya ditawarkan di negara ini bukan sahaja mampu mengurangkan kesesakan di hospital, malah pesakit tidak perlu menunggu masa lama semata-mata hanya mahu membuat ujian darah bagi tujuan rawatan susulan penyakit dihadapi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengurus Pertubuhan Doktor Prihatin, Dr. Mohammed Hazimi Abdul Razak berkata, projek kebaikan tanpa keuntungan itu dapat mengurangkan bebanan keluarga dari segi masa, kos dan tenaga terutama golongan kurang berkemampuan dan mereka yang menghadapi kesulitan kewangan.

Beliau berkata, ketamaan pesakit yang diberi perkhidmatan itu adalah pesakit terlanjur, pasca pembedahan, keretakan atau patah tulang yang tidak mampu bergerak.

“Kami bantu mengambil sampel darah di rumah dan hantarkan ke makmal hospital yang merawat pesakit.

“Pesakit hanya perlu hadir berjumpa doktor pakar untuk menilai keputusan ujian darah dan rawatan susulan,” katanya di sini semalam.

Terdahulu, beliau menyuarakan inisiatif berkenaan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad di Yayasan Kepimpinan Perdana baru-baru ini dan bekas Perdana Menteri itu mahu ia diuarkan kepada umum bagi membantu menjayakan lagi projek tersebut.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION/NEWS

**LOAN REQUEST**

# Johor Health director's Telegram account hacked

**JOHOR BARU:** State Health director Datuk Dr Aman Rabu became the latest to fall to hackers preying on Telegram account holders.

On Saturday, Dr Aman's account was taken over by hackers who asked his contacts for a loan.

He said the matter came to light when his acquaintance and a relative informed him they had received a text message via the messaging application from his account asking for money.

"My apologies to all who know me, please be informed that my Telegram account has been hacked and ignore the requests from my account for a loan," he said in a text alert to his contacts on the same day.

The State Health Department also sent out a social media alert on the matter.

"All WhatsApp and Telegram messages from Dr Aman seeking money are false and are from scammers. Please do not be deceived."

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

# Malaysian nurses look abroad for better wages

PETALING JAYA: Higher salaries are luring Malaysian nurses abroad.

A 30-year-old nurse, who wanted to be known only as Nadia, said she opted to take up a job in Saudi Arabia so that she could support her family.

"If I work in Malaysia, I would be earning a four-figure salary. I definitely cannot afford to provide financially for my family with that amount."

"But with my higher pay in Saudi Arabia, I can pay my family's bills and help my siblings with their education," said the Kuala Lumpur native who has been in the Middle East for two years now.

Another nurse from Penang who works in Singapore said the weaker ringgit against the Singapore dollar was one of the reasons she chose to work in the republic.

"I was able to pay for a down payment on my house by the age of 28," said the nurse, who declined to be named.

Saudi Arabia and Singapore are some of the preferred destinations for Malaysian nurses.

Malayan Nurses Union president Nor Hayati Abdul Rashid said better allowances and opportunities to further their studies attract nurses to work in Malaysia.

She, however, acknowledged that the pay was better abroad, noting that the starting salary for nurses in Malaysia is in the RM2,000 range.

"Naturally, the more experienced they are and with their qualification, of course there will be good offers elsewhere. And they get more take-home pay, if you were to compare the ringgit with the Singapore dollar."

"Besides the better pay, they are also seeking a different working experience because this will add to their resume," she added.

Nor Hayati said there was a shortage of nurses not just in Malaysia but all over the world.

Nonetheless, she added that a balance had been struck with nurses retiring and leaving the service with new ones entering the job market.

Back in May, the Johor government said that the state's proximity to Singapore had led to many local nurses taking up better offers in the city-state.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NEGARA!



DR. AMAN

## Telegram Pengarah Kesihatan Johor kena godam

**JOHOR BAHRU** — Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Datuk Dr. Aman Rabu kecawa akaun Telegramnya telah digodam dan disyaki digunakan untuk memperdayakan rakan dan kenalan dengan meminta pinjaman wang kelmarin.

Dr. Aman berkata, beliau terkejut selepas perkara itu dimaklumkan kenalan dan keluarganya yang memaklumkan beliau ada meminta pinjaman wang menerusi akaun Telegramnya.

"Mohon kemaafan untuk semua yang mengenali saya, sila abaikan permintaan daripada akaun Telegram saya yang mengatakan mahu meminjam wang.

"Dimaklumkan bahawa akaun Telegram saya telah digodam. Harap maaf dan maklum," katanya yang menghantar mesej makluman kepada kenalannya sejak malam kelmarin.

Sementara itu, Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) turut memaklum perkara berkenaan di akaun Facebooknya.

"Segala WhatsApp atau pun mesej dalam Telegram yang menyamar sebagai yang berhormat Datuk Dr. Aman Rabu yang meminta duit daripada pelbagai individu adalah palsu dan merupakan 'scammer' yang menyamar sebagai beliau.

"Mohon semua yang terima mesej itu supaya jangan terpedaya," kata dalam kenyataan yang dimuat naik di Facebook jabatan itu.

Sebelum ini, beberapa Telegram orang kenamaan telah digodam termasuk Permaisuri Agong.